

**PEGAWAI PERUBATAN TETAP
KKM**

TAWARAN B2

**Permohonan Mengikuti Program Sarjana
Perubatan Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan
Dengan Tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*
Sesi 2023/2024**

IKLAN

Permohonan Mengikuti Program Sarjana Perubatan Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan Dan Dengan Tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd* Sesi 2023/2024

1. Permohonan adalah dipelawa kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Program Sarjana Perubatan Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan Dan Dengan **Tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*** bagi Sesi 2023/2024.
2. Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi laman sesawang <http://ehlp.moh.gov.my>. **Permohonan di luar iklan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Disember 2022**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
4. Pertanyaan mengenai permohonan ini boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan ke emel di alamat kepakaran2@moh.gov.my.

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.1 Syarat-syarat Umum

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara tetap;
- b) Dilantik pada / sebelum **1 Januari 2019**;
- c) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- d) Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak sebelum **1 Januari 2019 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2022** tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan;
- e) Berumur tidak melebihi **43 tahun** pada tarikh tutup permohonan;
- f) Lulus Bahasa Melayu termasuk Ujian Lisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);

- g) Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun).
- Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;
- h) Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau Housemanship di luar negara (Lantikan sehingga 31 Disember 2019);
- i) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- j) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- k) Telah mengisytiharkan harta;
- l) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain. Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat sama;
- m) Pegawai **telah tamat ikatan kontrak terdahulu dengan JPA** atau lain-lain organisasi;
- n) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- o) Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;
- p) Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu mungkin boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya mungkin menyebabkan

pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental.

- q) Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran B**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi masing-masing bidang kepakaran. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini. Laporan perubatan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh permohonan; dan
- r) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa.

1.2 Syarat-syarat Khusus

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat khusus seperti berikut:

- a) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan atau setaraf dengannya dari Universiti yang diiktiraf;
- b) Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
- c) Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang yang dipohon selepas pendaftaran penuh; dan
- d) Pegawai perlu mendapat keputusan Medical Specialist Pre-Entrance Exam (*MedEx*)/ Entrance Exam yang memuaskan tertakluk kepada bidang yang dimohon atau pegawai telah mendaftar untuk menduduki MedEx pada November/Disember 2022 (hanya pegawai yang mencapai keputusan yang ditetapkan mengikut bidang akan dipanggil untuk saringan temu duga)

2.0 TAWARAN PROGRAM SARJANA PERUBATAN

2.1 Syarat-syarat Tambahan Tawaran Program Sarjana Perubatan Dengan Penajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*

- 2.1.1 Tawaran Program Sarjana Perubatan ini ditawarkan dengan kemudahan CBBP Tanpa HLP dan dengan Penajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*.

2.1.2 Syarat-syarat penajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd* adalah tertakluk kepada ketetapan kontrak perjanjian yang dipersetujui di antara pegawai dan pihak penaja seperti berikut:

- a) Hanya Pegawai Perubatan yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk mengikuti Program Sarjana Perubatan dengan Penajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepasi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Universiti Awam tidak akan dipertimbangkan sebarang Cuti Belajar;
- b) KKM berhak menentukan sistem pengajian dan penempatan latihan bagi pegawai yang mengikuti latihan di mana-mana Universiti Awam semasa pengajian;
- c) Surat tawaran dikeluarkan kepada pegawai yang berjaya sahaja oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL);
- d) Pegawai yang menerima tawaran ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia bagi suatu tempoh yang dinyatakan atau gantirugi sebanyak yang dinyatakan di dalam kontrak perjanjian pegawai dengan Kerajaan Malaysia;
- e) Pegawai yang menolak tawaran ini akan dikenakan penalti 2 tahun iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Sarjana Perubatan dalam tempoh berkenaan;
- f) Pegawai yang menarik diri dari pengajian akan dikenakan tindakan penalti seperti yang termaktub di dalam kontrak perjanjian antara pegawai dan Kerajaan Malaysia;
- g) Pegawai **bersetuju untuk meletakkan jawatan dengan Kerajaan** setelah tamat ikatan kontrak dengan Kerajaan seperti yang ditetapkan;
- h) Pegawai juga mestilah mematuhi syarat-syarat ikatan kontrak dengan pihak penaja selaras dengan perjanjian di antara pegawai dengan pihak penaja.

2.2 Kaedah Pengajian

2.2.1 Kaedah pengajian adalah seperti berikut:

a) Sistem Bersepadu

Menjalani latihan secara rotasi iaitu sekurang-kurangnya dua (2) tahun di mana-mana hospital KKM yang diiktiraf oleh Universiti Awam sebelum meneruskan pengajian sepenuh masa di Universiti Awam berkenaan.

3.0 SYARAT-SYARAT PENAJAAN OLEH *SUNWAY MEDICAL CENTRE SDN BHD*

3.1 Bidang yang ditawarkan

Bidang yang ditawarkan untuk tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd* adalah seperti berikut:

Bidang	Bilangan Penajaan
Radiologi	1
Patologi (khususnya Anatomik Patologi)	2
Neurosurgeri	2
Plastik Surgery	1
Klinikal Onkologi	3
Perubatan Nuklear	1
Jumlah Penajaan	10

3.2 Syarat-syarat Penajaan

Tawaran Program Sarjana Perubatan dengan tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd* adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Pegawai Perubatan yang disenarai pendek oleh pihak KKM sahaja akan dijemput untuk temuduga pusingan kedua dengan pihak penaja;
- Pegawai hendaklah menyempurnakan Kursus Sarjana Perubatan dengan jayanya dan menyempurnakan ikatan berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh empat (4) tahun sebelum ikatan berkhidmat dengan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*;
- Selepas tamat perkhidmatan dengan Kerajaan, pegawai adalah terikat untuk berkhidmat dengan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*

bagi tempoh tiga (3) tahun atau gantirugi sepertimana yang ditetapkan oleh pihak penaja;

- d) Pegawai mestilah mempunyai dua (2) orang penjamin seperti yang diperlukan di dalam kontrak perjanjian antara pegawai dengan pihak penaja;
- e) Pegawai hendaklah bebas dari mana-mana tajaan pada tarikh tutup permohonan dan pegawai tidak dibenarkan untuk menerima tajaan dari mana-mana pihak semasa menerima tajaan *Sunway Medical Centre Sdn Bhd*;
- f) Pegawai dikehendaki untuk menanggung semua kos dan perbelanjaan sekiranya pegawai perlu mengulangi ujian, semester, tugas semasa durasi pengajian Sarjana Perubatan. Sekiranya pegawai gagal menyempurnakan kursus Sarjana Perubatan, pegawai tersebut perlu membayar gantirugi seperti yang telah ditetapkan oleh pihak penaja;
- g) Pegawai hendaklah menghadiri kelas, kuliah, tutorial, peperiksaan dan kursus-kursus berkaitan dengan latihan dengan tekun;
- h) Pegawai hendaklah memaklumkan kepada pihak *Sunway Medical Centre Sdn Bhd* mengenai prestasi akademik dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya 2 kali setahun;
- i) Pegawai mestilah mematuhi syarat-syarat ikatan kontrak dengan pihak Kerajaan Malaysia selaras dengan perjanjian di antara pegawai dengan pihak Kerajaan Malaysia.

3.3 Tindakan Penalti

Jenis-jenis tindakan penalti yang akan dikenakan oleh penaja kepada pegawai yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Penalti Yang Dikenakan
1.	Masalah Disiplin	<ul style="list-style-type: none">• Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;• Tidak layak untuk dipertimbangkan tajaan dari <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> pada masa hadapan.
2.	Menarik Diri	<ul style="list-style-type: none">• Bayaran gantirugi sepenuhnya

		<p>atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak layak untuk dipertimbangkan tajaan dari <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> pada masa hadapan.
3.	Tidak mencapai markah lulus/syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti / kolej / institusi	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; • Tidak layak untuk dipertimbangkan tajaan dari <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> pada masa hadapan.
4.	Tamat tempoh penajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran gantirugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; • Tidak layak untuk dipertimbangkan tajaan dari <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> pada masa hadapan.
5.	Penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (<i>unfit to practice</i>) dari segi fizikal dan mental.(Tertakluk kepada Jawatankuasa Teknikal KKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran gantirugi akan mengikut budi bicara <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> mengikut telitian kes; • Tidak layak untuk dipertimbangkan tajaan dari <i>Sunway Medical Centre Sdn Bhd</i> pada masa hadapan.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi sistem (Sistem Permohonan eHLP KKM : <http://ehlp.moh.gov.my>)
- 4.2 Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama semasa sesi temuduga yang telah ditetapkan oleh Pihak Universiti (**bagi pegawai yang berjaya melepasi tapisan pertama**) iaitu seperti berikut:
- a) Satu (1) Salinan **Borang Permohonan Online** yang telah dilengkapi dengan segala maklumat diri dan perkhidmatan yang

telah disahkan oleh Ketua Jabatan (Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi / Bahagian sahaja);

- b) Laporan Penyokong 1 dan Laporan Penyokong 2;
- c) Satu (1) Salinan **Kenyataan Perkhimatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
- d) Satu (1) Salinan **Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);
- e) Satu (1) Salinan **Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); **dan**
- f) Dokumen sokongan yang lain (contoh: Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil berkaitan dan transkrip).

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 5.2 Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2022 kelak.
- 5.3 Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

6.0 PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI

- 6.1 Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Disember 2022**. BPL tidak akan mempertimbangkan permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut atau mengemukakan permohonan yang tidak lengkap.
- 6.2 Pegawai hendaklah memohon secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
- 6.3 Sila ambil maklum bahawa penerima adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti

yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

- 6.4 Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini seperti berikut:

Tarikh	Keterangan
31 Oktober 2022	Permohonan dibuka
10 Disember 2022	Tarikh tutup permohonan
April/Mei 2023	Keputusan (tertakluk kepada perubahan)

- 6.5 Semakan **keputusan penawaran** boleh diketahui pada **April/Mei 2023 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)

JENIS-JENIS PENYAKIT

- a. Penyakit Mental (*Mental illness*)
- b. Penyakit Sistem Saraf (Strok, dementia) (*Neurological illness (Cerebrovascular accident, dementia)*)
- c. Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*)
- d. Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya [*Physical disabilities (or handicap)*]
- e. Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*)
- f. Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*)

Sumber rujukan: *Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010